

29 SEP 2003

LIMA-Red Arrows/I

RED ARROWS JANJI PERSEMBAHAN MENDEBARKAN PADA LIMA 03

LANGKAWI, 29 Sept (Bernama) -- Pasukan Aerobatik Red Arrows dari Britain berjanji akan memukau pengunjung ke Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi 2003 (LIMA 03) bermula esok dengan mempamerkan beberapa formasi udara yang mendebarkan.

Ketua skuadronnya, Spike Jepsen, berkata pasukan itu yang terbang sejauh 5,600km untuk menyertai LIMA 03, memberi tumpuan khusus kepada persembahannya di Langkawi dan berjanji akan mempamerkan pertunjukan terbaik kepada rakyat Malaysia.

"Kami amat gembira berada di sini. Kami tidak sabar untuk mempersembahkan pertunjukan hebat di LIMA. Kami amat berterima kasih kepada kerajaan Malaysia dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana sudi menjemput kami.

"Sejak sekian lama, pasukan ini menyifatkan LIMA sebagai pertunjukan udara paling penting dalam kalendernya," katanya kepada wartawan Malaysia yang mengunjungi pasukan itu di Lapangan Terbang Antarabangsa Padang Matsirat di sini hari ini.

Jepsen berkata bahawa sebelum datang ke Langkawi, pasukan itu telah mengadakan 60 pertunjukan pada musim ini, dan sehingga kini, ia telah membuat persembahan di 52 negara yang melibatkan lebih 3,600 pertunjukan.

Pasukan itu yang dianggotai sembilan juruterbang, termasuk dua juruterbang simpanan, berlatih selama enam bulan setiap tahun.

"Kesempurnaan yang dipamerkan oleh "Reds" dalam persembahannya dicapai melalui kerja keras selama berjam-jam. Juruterbang pasukan ini dipilih daripada kalangan juruterbang jet laju terbaik dalam RAF untuk diberi peranan yang diidamkan oleh ramai orang, tetapi hanya dicapai oleh segelintir," katanya.

Jepsen berkata, bagi pertunjukan pada majlis perasmian esok, pasukan itu akan membuat formasi sukar dan unik yang dikenali sebagai "The Fountain Split" yang akan menyaksikan kesemua sembilan pesawat berkenaan membentuk satu bulatan di hadapan penonton, sebelum berpecah kepada sembilan arah.

Pasukan itu, yang menggunakan pesawat Hawk T1A, akan membuat 24 formasi pada pertunjukan selama 20 minit itu.

Jepsen berkata, Red Arrows bersama kakitangan sokongan teknikalnya yang dikenali sebagai "Blues", akan terbang ke Thailand selepas mengadakan pertunjukan di LIMA 03, sebelum mengadakan persembahan berikutnya di India, Bahrain, Qatar dan Mesir.

-- BERNAMA

MHI MUN SP MAI